

Korban banjir cecah 15 orang

Sinar HORIZON (21/12/2021) NIS 03

9 kematian dicatat di Selangor,
6 di Pahang

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL

SHAH ALAM

Jumlah mangsa terkorban akibat banjir di Selangor setakat Isnin ialah seramai sembilan orang.

Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, Datuk Nor Hisham Mohammad mengesahkan lima mangsa ditemui lemas termasuk seorang ditemui meninggal dunia di ruang atas rumah di Sri Muda, Seksyen 25 di sini.

Dua lagi mangsa bencana terkorban di Dengkil, Sepang, seorang lagi di Desa Coalfields, Kuala Selangor dan seorang lagi di pangsapuri Alam Idaman di Seksyen 22 di sini.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Baharudin Mat Taib pula mengesahkannya mangsa dua mangsa di Sri Muda dipercayai berusia antara 70 dan 90 tahun.

Di Pahang, sebanyak enam orang terkorban sejak Jumaat dengan mangsa pertama melibatkan seorang lelaki, M Gunalan yang ditemui lemas selepas terjatuh daripada motosikal semasa meredah air di Jalan Pulau Manis berhampiran Kubur Cina Gambang di Gambang, Kuantan.

Empat mayat mangsa yang dilaporkan hilang selepas kenderaan mereka yang melalui jambatan Telemong, Bentong pada Sabtu lalu dihanyutkan arus deras sungai ditemukan pada Isnin.

Sementara itu, seorang operator kilang, Mohd Helmi Nazlan hanyut bersama



Anggota bomba membawa keluar satu mayat mangsa banjir lumpur di Sungai Telemong pada Isnin.



Bomba mengusung mayat ditemui di tingkat bawah bangunan kediaman jenis flat di Taman Permata Dengkil pada Isnin.

kenderaan jenis Exora yang dibawa arus deras banjir di Jalan Pintasan Kampung Chempaka-Sungai Soi, Kuantan.

Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Pahang berkata, Mohd Helmi dijumpai pada jarak

kira-kira lima kilometer dari lokasi kejadian.

“Jenazah mangsa kemudian diserahkan kepada polis dan dihantar ke hospital Tengku Ampuan Afzan untuk tindakan lanjut,” katanya.

Senarai mangsa terkorban akibat banjir

SELANGOR

- Lelaki 30an, Lokasi: Taman Deluxe, Dengkil
- V Kaniappan, 52, Lokasi: Taman Permata, Dengkil
- Lelaki 30an, Lokasi: Alam Idaman, Seksyen 22, Shah Alam
- Lelaki, 45, Lokasi: Simpang Desa Coalfield, Kuala Selangor
- 5 individu, Lokasi: Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam

PAHANG

- M Gunalan, 38, Lokasi: Jalan Kubur Cina, Gambang, Kuantan
- Mohd Helmi Nazlan, 34, Lokasi: Kampung Cempaka, Kuantan
- 4 individu (dua lelaki, dua wanita), Lokasi: Telemong, Karak

Kejadian dikatakan bermula dua hari lalu apabila mangsa bersama rakannya terkandas dan dihanyutkan oleh arus deras ketika cuba mengharungi banjir dengan Proton Exora dalam perjalanan dari Kuantan ke Kuala Pahang.

Rakan mangsa berjaya menyelamatkan diri dengan memecahkan cermin belakang kereta tersebut.

Operasi yang diketuai oleh Ketua Balai Timbalan Penguasa Bomba Kamerul Bieza Mohd Kasim tamat pada jam 7.31 pagi susulan penemuan mayat mangsa.